

KECELARUAN JANTINA : PENYELESAIANNYA MENURUT ISLAM

Hasnan bin Kasan
Pusat Pengajian Umum
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Tulisan ini membincangkan kecelaruan jantina yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia serta penyelesaiannya menurut pandangan Islam. Kecelaruan yang difokus di sini ialah masalah lelaki berperwatakan perempuan. Dalam memaparkan jalan penyelesaian Islam, pendekatan mencegah lebih baik daripada merawat akan diketengahkan sebagai jalan utama bagi mengelakkan berlakunya kecelaruan jantina dalam kalangan masyarakat Islam.

PENGENALAN

Allah SWT telah menurunkan syariat Islam kepada Rasulullah SAW untuk disampaikan kepada umatnya sebagai panduan dalam kehidupan di dunia. Antara sifat syariat yang diturunkan oleh Allah ini adalah merangkumi keseluruhan aspek kehidupan manusia (al-Syatibi, 1991, 276). Ia adalah mencakupi semua aktiviti manusia di semua zaman dengan kepelbagaian bentuk dan olahan mengikut situasi yang ada. Tidak ada suatu pun aspek dalam kehidupan manusia yang ditinggalkan oleh syariat Islam yang dibawa Nabi Muhammad SAW (al-Qaradhawi, 1981). Ia telah memberikan panduan dan menetapkan disiplin tertentu terhadap semua aktiviti yang diceburi oleh manusia sama ada secara individu atau kelompok. Inilah yang telah dinyatakan oleh Allah di dalam firmanNya:

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا طَيْرٍ يَطِيرُ بِجَنَاحَيْهِ إِلَّا أُمَمٌ أَمْثَلُكُمْ
مَا فَرَّطْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ عِزُّنَا إِلَى رَبِّهِمْ يَحْشُرُونَ ﴿٣٨﴾

Maksudnya:

...Dan Kami tidak tinggalkan sesuatupun di dalam al-Kitab (melainkan Kami jelaskan panduannya. Kemudian mereka semuanya akan dihim-punkan kepada Tuhan mereka (untuk dihisab dan menerima balasan)
(al-An'am: 38)

Panduan dan disiplin Islam ini kadang-kadang dapat difahami secara langsung oleh penjelasan ayat-ayat al-Quran melalui tafsiran-tafsiran yang telah disusun oleh para *mufassirin* yang muktabar. Kadang-kadang ia hanya disentuh secara umum di dalam al-Quran tetapi diperjelaskan secara terperinci oleh Rasulullah SAW melalui sunnah Baginda yang diriwayatkan oleh para perawi yang *thiqah*. Kadang-kadang panduan ini tidak terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah telah dapat diambil daripada usul-usul hukum-hukum dan kaedah-kaedah *fiqhiyyah* yang telah digubal oleh para mujtahid berlandaskan panduan umum al-Quran dan al-Sunnah. Antara usul-usul hukum yang digunakan sebagai sumber perundangan Islam ialah *ijmak*¹, *qias*², *istihsan*³, *uruf*⁴, *sad al-zarai'*⁵ dan *masalih al-mursalah*.⁶ (Ibnu Nujaim, 1322H)

Matlamat syariat Islam diturunkan kepada manusia adalah untuk memastikan kehidupan manusia di dunia ini berjalan dalam keadaan yang sejahtera dan tidak diganggu oleh sebarang kerosakan. Kesejahteraan ini merangkumi aspek *spiritual* dan *material*. Kemungkinan inilah yang dimaksudkan dengan perkataan rahmat di dalam firman Allah SWT:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

¹ Persepakatan para mujtahid dari kalangan umat Nabi Muhammad SAW terhadap sesuatu hukum pada satu-satu masa selepas kewafatan Baginda..

² Menyamakan hukum masalah yang tidak ada nas dengan hukum masalah yang ada nas kerana ada persamaan illah yang menjadi sebab syarak menetapkan hukum.

³ Menetapkan hukum yang berlainan dengan masalah lain yang sama dengannya disebabkan oleh alasan yang lebih kuat.

⁴ Perbuatan atau perkataan yang telah tersebar luas dan menjadi kebiasaan manusia.

⁵ Menghalang perkara diharuskan daripada dilakukan bagi mengelakkan ia menjadi punca berlakunya perkara yang dilarang oleh syarak.

⁶ Semua m'aslahat yang tidak ditetapkan oleh nas tetapi perlu diambilkira untuk menghasilkan manfaat dan mengelakkan mudarat.

Maksudnya:

Dan kami tidak mengutuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

(al-Anbiyaa': 107)

Ahli perundangan Islam mengistilahkan matlamat syariat Islam diturunkan sebagai menjaga masalah manusia dalam menjalani kehidupan di dunia dan di akhirat. Maksud masalah secara umumnya ialah menghasilkan kebaikan dan mengelakkan kerosakan daripada manusia. Masalah ini hanya akan terpelihara dan terhasil sekiranya manusia mengikut keseluruhan syariat Islam kerana objektif syariat Islam adalah memelihara lima unsur asasi yang diperlukan oleh manusia iaitu agama, nyawa, akal, kehormatan atau keturunan dan harta. Semua perkara yang bertujuan memelihara dan melindungi kelima-lima unsur ini dianggap sebagai masalah dan mengabaikannya dianggap sebagai kerosakan. Sebaliknya semua perkara yang boleh merosakkan lima unsur ini dianggap sebagai kerosakan dan mengelakkan daripadanya dianggap sebagai masalah. Lima unsur yang diperlukan oleh manusia ini dinamakan dengan masalah *dharuriyyat* iaitu perkara *dharuri* yang diperlukan oleh manusia bagi menjamin kelancaran dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. (al-Qaradhawi, 2001).

Hukum-hukum syarak adalah diasaskan di atas asas masalah yang tertentu. Sesuatu hukum itu akan ditetapkan dan akan terus kekal selagi mana masalah itu wujud. Apabila masalah tertentu yang dijadikan asas hukum berubah maka hukumnya juga turut berubah. Pada zaman awal Islam Rasulullah SAW telah melarang para sahabat daripada menulis hadith dalam sebarang bentuk kecuali baginda telah membenarkan beberapa orang sahabatnya untuk menulisnya.

Beberapa orang Imam meletakkan beberapa syarat masalah bagi menjadikannya diiktiraf oleh syarak. Al-Ghazali menyatakan masalah yang diiktiraf syarak ialah yang merangkumi *dharuriyyat*, umum untuk semua orang Islam dan *qat'ei* atau hampir kepada *qat'ei*. Manakala Imam al-Syatibi pula mensyaratkan masalah hendaklah boleh difahami oleh akal manusia, bertepatan dengan *maqasid* syarak secara umum dan tujuannya untuk memelihara perkara *dharuriyyat* atau untuk menghilangkan kesulitan dalam urusan agama.

Sesuatu masalah itu juga hendaklah dalam bentuk hakiki dan bukannya sangkaan atau rekaan semata-mata. Ini kerana kadang-kadang sesuatu masalah hanya difikirkan oleh kecenderungan nafsu,

kebiasaan dan gambaran yang tidak tepat terhadap sesuatu isu. Kadang-kadang manusia menganggap sesuatu amalan itu sebagai masalah sedangkan pada hakikatnya ia adalah kerosakkan, atau kerosakkannya lebih besar dari manfaat. (al-Qaradhawi, 2001).

Beberapa perkara perlu dilihat dalam menilai masalah yang hakiki. Antaranya ialah masalah umum hendaklah diutamakan ke atas masalah peribadi, mudharat jangka panjang hendaklah diutamakan terhadap manfaat yang segera, kerugian maknawi tidak boleh diabaikan dalam mencapai keuntungan kebendaan, mudharat yang lebih besar perlu diutamakan dari manfaat yang kecil. Pemikiran manusia kadang-kadang dipengaruhi oleh tekanan individu, waktu, tempat dan faktor kebendaan dalam menentukan sesuatu masalah dalam aktiviti kehidupan. Oleh itu dalam menilai sesuatu masalah yang dikemukakan hendaklah dilakukan dengan berhati-hati. (al-Kamali, 2000).

JANTINA DALAM ISLAM

Sebagai mendasari kajian ini, penulis terlebih dahulu ingin menukilkan perbincangan tentang jantina di dalam Islam. Penjelasan ini akan dijadikan sebagai pemandu dalam membincangkan krisis jantina selanjutnya. Antara sumber yang boleh dijadikan rujukan dalam mengenal pasti jantina yang diiktiraf oleh agama Islam ialah perbincangan-perbincangan fiqh melalui beberapa fasalnya. Menurut perbincangan dalam beberapa fasal kitab-kitab fiqh menyebut bahawa manusia muslim terbahagi kepada tiga kategori jantina iaitu lelaki, perempuan dan khunsa. Dalam fasal sembahyang jemaah juga dibincangkan tentang kedudukan saf lelaki, perempuan dan khunsa. Begitu juga dalam beberapa fasal kitab fiqh lain hanya membincangkan tiga kategori jantina yang telah disebutkan dan tidak ada jantina lain. (al-Zuhaili, 1996).

Pengertian lelaki dan perempuan tidak perlu dibincangkan lagi di dalam tulisan ini kerana ia merupakan perkara yang sedia diketahui umum. Akan tetapi jantina yang perlu dibincangkan di sini ialah jantina khunsa kerana ia jarang diperbincangkan. Kadang-kadang juga berlaku silap faham terhadap istilah khunsa yang disebut di dalam kitab-kitab fiqh. Maksud khunsa yang banyak disentuh dalam perbahasan fiqh ialah orang yang mempunyai dua alat kelamin. Sekiranya salah

satu alat kelaminnya berfungsi dan yang satu lagi tidak berfungsi maka orang itu dinamakan sebagai *khunsa nyata*. Sekiranya kedua-dua alat kelaminnya tidak berfungsi dengan nyata atau kedua-duanya berfungsi secara berselang maka orang itu dinamakan sebagai *khunsa musykil*. Hukum-hukum bagi *khunsa nyata* adalah sama mengikut kategori jantinya. Sekiranya jantinya yang aktif adalah jantina lelaki maka ia dianggap lelaki dan begitulah sebaliknya. Manakala *khunsa musykil* tidak boleh disamakan dengan lelaki atau perempuan. Ia mempunyai hukum-hukum yang tersendiri. (al-Zuhaili, 1996 & al-Nawawi, 1980).

Ketiga-tiga kategori jantina ini diakui oleh Islam kerana ia merupakan ciptaan Allah Yang Maha Mengetahui segala hikmah penciptaan-Nya. Ayat al-Quran menghuraikan hikmah kejadian antara lelaki dengan perempuan daripada keturunan anak Adam bagi tujuan untuk saling berinteraksi antara satu sama lain. Syariat telah menggariskan panduan bagi kategori jantina lelaki dan perempuan dengan terperinci di dalam semua aspek sama ada dalam aspek ibadah, muamalat mahupun jenayah. Dengan keprihatinan terhadap maslahat dan kesentosaan hidup manusia, syariat Islam melalui posisinya menetapkan perlunya ada perbezaan dalam pendedahan kejantinaan antara lelaki dengan perempuan. Di dalam saf sembahyang jemaah, berpakaian, berketerampilan dengan dalam tugas serta tanggungjawab, syariat membezakan antara lelaki dengan perempuan. Manakala *khunsa musykil* mempunyai hukum-hukumnya tertentu kerana keunikan kejadiannya.

Namun begitu, selain dari tiga kategori jantina ini yang diiktiraf dan diberikan peruntukan hukum oleh syariat Islam, ada satu kategori lagi pendekatan jantina yang disebut di dalam beberapa hadith iaitu *mukhannas* dan *mukhannis*. *Mukhannas* adalah lelaki yang menyerupai perempuan dalam pergerakan badan, gaya bertutur dan lemah lembutnya. Manakala *mukhannis* pula adalah perempuan yang menyerupai lelaki dalam penampilan diri tersebut. Mereka melakukan penyilangan jantina ini (lelaki menjadi wanita dan wanita menjadi lelaki) disebabkan oleh beberapa faktor. Antara faktor yang paling kerap diberitahu oleh mereka yang terlibat ialah naluri. Maksudnya ialah naluri mereka berlainan dengan biologi mereka. Sebagai contoh lelaki yang menjadi wanita menyatakan jiwa mereka tidak senang

dengan kejadian lelaki yang ada pada mereka, sebaliknya mereka lebih senang dan selesa dengan menampilkan diri sebagai seorang wanita.

Memang diakui bahawa di kalangan lelaki yang ada yang diciptakan oleh Allah semenjak lahir mempunyai rupa paras dan kelembutan watak. Kelembutan rupa paras dan perwatakan jelas ini bukan kerana usaha yang dilakukan oleh manusia. Golongan jenis ini tidak berasa senang dengan kelembutan dan gelaran yang diberikan kepada mereka kerana mereka tidak berhasrat menjadi wanita atau bersifat kewanitaan (Wan Azmi, 1991). Malah kalau diperhatikan mereka sentiasa berusaha untuk menjadi seorang lelaki tulen yang sebenar dengan penampilan lelaki dan menyorokkan sifat kelembutan yang ada pada mereka. Selagi mereka tidak bertindak menampilkan diri sebagai seorang wanita dengan keterampilan yang diusahakan oleh mereka sendiri, maka mereka tidak termasuk dalam istilah *mukhannas* dan *mukhannis*. Istilah *mukhannas* dan *mukhannis* yang digunakan dalam tulisan ini bukan merujuk kepada golongan lelaki jenis ini, tetapi ditujukan kepada golongan lelaki yang berusaha menjadikan diri mereka berketerampilan seperti perempuan atau maknyah buatan sendiri.

Dalam istilah moden gejala negatif lelaki berusaha menampilkan diri sebagai perempuan dan perempuan menampilkan diri sebagai lelaki yang dinamakan sebagai silang jantina. Kedua-dua jenis golongan manusia ini mempunyai jantina yang jelas sama ada lelaki atau perempuan. Hanya mereka sahaja yang berusaha menjadikan penampilan mereka menjadi wanita. Ada juga di kalangan mereka yang menukar alat kelamin. Hukum-hukum syarak terhadap mereka juga adalah mengikut jantina yang mereka miliki. Fenomena ini telah berlaku sejak zaman Nabi Muhammad SAW lagi. Di dalam Kitab al-Adab, Sunan Abu Daud daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW telah dibawakan dengan seorang *mukhannas* yang telah menginai tangan dan kakinya dengan inai. Maka baginda bersabda:

Apa yang dibuat oleh orang ini?, Sahabat menjawab: "Wahai Rasulullah, orang ini menyerupai perempuan", Maka Rasulullah SAW memerintahkan supaya orang itu direndam dalam air. Para sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah, bolehkah kami membunuhnya?", Baginda

menjawab: "Aku dilarang dari membunuh orang yang menunaikan sembahyang." (*al-Nawawi*, 1980 : 346).

Oleh kerana *mukhannas* dan *mukhannis* ini tidak diiktiraf oleh syarak dan tidak terdapat peruntukan khas di dalam fiqh Islam berkenaan mereka dalam aktiviti harian sedangkan dewasa ini bilangan mereka semakin hari semakin bertambah. Maka adalah perlu dilakukan perbincangan mengenai punca-punca dan jalan penyelesaiannya menurut polisi yang telah ditetapkan oleh syarak. Memang diakui telah banyak perbincangan yang dijalankan tentang golongan ini, tetapi kebanyakannya adalah tidak berlandaskan ukuran dan polisi syarak yang sebenar. Perbincangan berlandaskan polisi syarak bukan sahaja melibatkan hukum halal dan haram, tetapi juga perlu melibatkan masalahat *syar'iyah*. Ini kerana syariat Islam diturunkan adalah untuk menjaga masalahat kehidupan manusia.

MAK NYAH DI MALAYSIA

Di Malaysia, IKHLAS (Pink Triangle) satu badan bukan kerajaan yang memberikan maklumat kesedaran tentang HIV/AIDS mengangarkan terdapat seramai 10,000 mak nyah di seluruh negara. Daripada jumlah ini 70% - 80% daripada mereka adalah dari kalangan bangsa Melayu dan beragama Islam. Manakala selebihnya adalah daripada bangsa Cina, India dan lain-lain etnik minoriti (Teh, 1998). Malah, mengikut laporan akhbar, bilangan mereka pada masa kini telah meningkat ke angka 50,000. Kalau dibuat perbandingan dengan luar negara didapati satu kajian di Netherlands mendapati kadar peningkatan jumlah kes silang jantina. Kes lelaki cenderung menjadi wanita pada tahun 1980 adalah 1 : 45,000, tahun 1993 adalah 1 : 26,000 dan pada tahun 1986 adalah 1 : 18,000. Begitu juga kadar wanita cenderung menjadi lelaki telah meningkat di mana pada tahun 1980 sebanyak 1 : 200,000 tahun 1983 sebanyak 1:100,000 pada tahun 1986 sebanyak 1:54,000 (Roseliza, 2002).

Susunan aktiviti perekonomian mak nyah di Malaysia amat membimbangkan terhadap keselamatan masyarakat terutama masyarakat Islam. Menurut Khatini Salmah (1999) bilangan mak nyah yang ada di Malaysia adalah kira-kira 10,000 orang. 70 % daripada mereka adalah

bergiat dalam aktiviti pelacuran, 20 % bekerja di kelab-kelab hiburan, salun, pusat kecantikan dan butik, 2.0% bekerja di kedai-kedai makan dan 3.0% bekerja di sektor swasta. Manakala pada tahun 2000 satu kajian IRPA The Yik Koon bersama Khartini Salmah menunjukkan data yang berlainan sedikit. 65 % daripada kalangan mak nyah terlibat dengan pelacuran, 25 % berkhidmat di kelab-kelab hiburan, salun, pusat kecantikan dan butik, 2.0% bekerja di kedai makanan dan 8.0% bekerja di sektor swasta. Kedua-dua laporan ini menunjukkan jumlah mak nyah yang terlibat dengan aktiviti pelacuran adalah terlalu tinggi dan tidak boleh dipandang ringan atau diabaikan begitu sahaja oleh masyarakat. Ini kerana impak kegiatan pelacuran di dalam satu-satu masyarakat bukan sahaja jelas pada kelompok pelacur itu sahaja, tetapi ia juga melibatkan masyarakat sekelilingnya. Pelacuran juga merupakan manifestasi ancaman moral yang paling besar dan ia dikenal pasti sebagai satu sistem yang boleh melemahkan dan menghapuskan sesuatu bangsa. (Lukman, 2002).

Dalam satu kajian oleh Lukman Z. Mohammad (2002) golongan mak nyah yang terlibat dengan pelacuran ini memberikan pelbagai alasan mengapa mereka terlibat dengan kemungkaran tersebut. Keseluruhan responden memberikan alasan tujuan mereka melacurkan diri adalah untuk mendapatkan wang bagi menampung kos hidup. Di samping itu juga sebanyak 83.33 % daripada kalangan mereka menyatakan keterlibatan mereka dalam pelacuran adalah bertujuan untuk keseronokan. 70% memberikan alasan tidak ada pekerjaan lain yang sesuai untuk mereka untuk mendapatkan sumber kewangan. Sebanyak 63.33% pula memberikan alasan melacur diri untuk mencari kepuasan seks. Mak nyah yang terlibat dengan maksiat pelacuran ini bukan sahaja datangnya daripada mereka yang berpendidikan rendah, malah turut terlibat sama ialah mak nyah yang mendapat pendidikan tinggi. Daripada 30 orang yang dijadikan responden, sembilan orang (30%) adalah berpendidikan rendah, 13 orang (43.33) berpendidikan sekolah menengah dan lapan orang (26.67%) adalah berpendidikan tinggi.

Mereka ini bukan sahaja terlibat dengan maksiat pelacuran, tetapi turut juga terlibat dengan maksiat-maksiat lain. Daripada 30 orang responden, seramai 10 orang (33.33) terlibat dengan penagihan dadah dan 12 orang (40%) terlibat dengan ketagihan alkohol. Mereka yang

terlibat dengan dadah dan alkohol ini memberikan alasan untuk mengatasi tekanan hidup dan kerungsingan yang dialami. Ini tidak menghairankan kerana dadah dan alkohol mempunyai kaitan yang rapat dengan pelacuran. Pelacur menggunakan dadah dan alkohol untuk memulihkan tenaga serta menghilangkan kerungsingan dan kesakitan (Lukman, 1999). Daripada jumlah 30 orang itu juga 21 orang (70%) daripada mereka melibatkan diri dalam pelacuran secara sambilan.

Berdasarkan kepada beberapa kajian yang dibuat, tindakan lelaki asli membuat penampilan diri sebagai wanita atau digelar sebagai mak nyah telah mendatangkan beberapa kesan. Antara kesan yang ketara ialah sentiasa berdepan dengan konflik jiwa atau tekanan perasaan. Kesan dari tekanan perasaan ini lebih dari 1/10 daripada kalangan mereka sendiri mempunyai cenderung membunuh diri. Mereka juga kerap dibuang kerja dan dipinggirkan oleh masyarakat (Ong Ju Lynn, 2000). Dalam kajian yang sama juga melaporkan bahawa 55.2% daripada mak nyah yang terlibat dalam penyelidikan yang dijalankan pernah ditangkap oleh pihak berkuasa kerana kesalahan berperlakuan tidak sopan. Mereka telah didakwa di bawah Akta 1955 Kesalahan-kesalahan Kecil yang membawa denda RM25 buat kesalahan pertama. Kesalahan berikutnya akan membawa denda maksimum tiga bulan penjara dan denda maksimum RM100.

Menurut laporan dari Polis Di Raja Malaysia, Bukit Aman, tangkapan yang dilakukan adalah disebabkan laporan yang buat kerana mak nyah melakukan perbuatan sumbang di khalayak ramai. Polis tidak akan menangkap mereka semata-mata mereka mengenakan pakaian silang jantina (Ibid). Dalam satu kajian ringkas yang dijalankan di UKM berkenaan isu adakah mak nyah ini termasuk dalam gejala sosial atau tidak, seramai 48 daripada 51 orang (94.11%) menganggap mak nyah adalah gejala sosial. Manakala 46 (90.1%) daripada 51 orang menyatakan bahawa mak nyah menimbulkan situasi yang kurang menyenangkan di kalangan masyarakat (Hasnan & Rafizi, 2002). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa majoriti masyarakat tidak menerima perwatakan mak nyah di dalam masyarakat. Terdapat juga di kalangan mak nyah yang berusaha memohon daripada Jabatan Pendaftaran Negara untuk menukar jantina mereka yang tercatat dalam kad pengenalan sekalipun bilangannya tidak banyak (Nooraziah, 2002). Sebelum tahun 1996 Jabatan Pendaftaran Negara membenarkan

pertukaran nama dan jantina dalam kad pengenalan. Walau bagaimana pun selepas 1996 Jabatan berkenaan telah tidak membenarkan perkara itu dilakukan (Teh, 2000). Ini tidak menghairankan kerana ada di kalangan mereka yang mengambil pendekatan rawatan hormon untuk membesarkan buah dada dan yang paling melampau ialah melakukan pembedahan tukar jantina. Semua ini dilakukan bagi menampilkan diri mereka dalam rupa bentuk berlawanan dengan jantina asal mereka.

POLISI SYARAK TERHADAP MAK NYAH

Syariat Islam yang diturunkan oleh Allah kepada hamba-hambanya adalah bertujuan untuk menjaga maslahat mereka di dunia dan di akhirat. Antara aspek maslahat yang dijaga ialah maslahat *dharuriyyat*. Antara aspek maslahat *dharuriyyat* yang berkaitan dengan mak nyah ini ialah aspek agama dan kehormatan atau maruah. Bagi merealisasikan penjagaan maslahat kedua-dua aspek ini, syariat Islam telah menggariskan dua bentuk kawalan iaitu kawalan berbentuk menyuburkan agama dan kehormatan dan kawalan terhadap kedua-dua aspek tersebut daripada rosak. Dalam membincangkan polisi syarak terhadap mak nyah, kedua-dua aspek maslahat *dharuriyyat* ini tidak boleh dipisahkan kerana ia saling kait mengait antara satu sama lain.

Kalau kita mengkaji disiplin sosial yang terdapat di dalam Islam akan kedapatan peraturan yang melarang perlakuan *cross-dressing* (pakaian silang). Maksud pakaian silang bermakna lelaki memakai pakaian perempuan atau perempuan memakai pakaian lelaki. Albani (1399) dalam bukunya telah menghuraikan hikmah dan penjelasan larangan pemakaian silang di kalangan lelaki dan perempuan di dalam syariat Islam. Larangan pakaian silang adalah bersumberkan hadith Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Amru telah berkata : Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Bukan dari kalangan kami lelaki-lelaki yang memakai pakaian perempuan, dan tidak juga perempuan-perempuan yang berpakaian lelaki.

Ibnu Abbas pula berkata:

Nabi SAW melaknat lelaki-lelaki yang berpelakuan perempuan dan perempuan-perempuan yang berpelakuan lelaki. Baginda berkata:

"Keluarkan mereka dari rumah mereka." Ibnu Abbas berkata: "Nabi SAW telah mengeluarkan sifulan, Umar telah mengeluarkan sifulan".

Larangan lelaki menyerupai perempuan dan sebaliknya ini bukan tertumpu pada pakaian sahaja, malah ia meliputi sifat-sifat, pergerakan dan sebagainya. Hikmah larangan ini adalah kerana orang yang melakukan perbuatan ini mengeluarkan sesuatu dari sifat yang telah diciptakan oleh Tuhan Yang Maha Bijaksana dalam penciptaanNya. Lelaki dan perempuan tidak boleh memakai pakaian mengikut sesuka hati, mengikut naluri dan mengikut kebiasaan yang ada pada zaman mereka sekiranya ia bercanggah dengan ketetapan syarak. Sekiranya ini boleh dilakukan maka tidak ada maknanya penetapan disiplin pakaian di dalam syariat Islam sebagaimana yang banyak kedapatan di dalam al-Quran dan al-Sunnah. (Albani, 1389).

Perbezaan pakaian dan penampilan antara lelaki dan perempuan adalah berdasarkan kesesuaian untuk kedua-dua jantina tersebut. Ia juga mengikut kesesuaian perintah-perintah syarak yang diturunkan kepada mereka. Disiplin pakaian dan penampilan bagi lelaki dan perempuan di dalam syariat Islam adalah bertujuan untuk menjaga kehormatan dan mengelakkan segala perkara yang merosakkan. Oleh itu, lingkupan anggota yang perlu ditutup oleh perempuan adalah lebih berbanding dengan lelaki.

Oleh itu, melalui polisi umum syariat iaitu menghasilkan kebaikan dan menolak kemudharatan, Islam menghalang segala bentuk pendekatan yang boleh membawa kepada perlakuan silang jantina sama ada lelaki menjadi perempuan atau perempuan menjadi lelaki. Larangan ini termasuklah terhadap ibu bapa dalam proses mensosialisasikan anak-anak mereka sama ada dalam berpakaian atau pergaulan. Perbuatan memakaikan anak lelaki dengan pakaian perempuan dan sebaliknya, atau membiarkan anak-anak kecil didedahkan dengan perlakuan-perlakuan yang berlawanan dengan tabiat jantintanya adalah perbuatan terlarang. Sekalipun anak-anak itu tidak memahami erti pakaian atau perlakuan tersebut, tetapi perbuatan ini akan menjadi punca berlakunya krisis silang jantina yang kronik apabila mereka telah dewasa (al-Hasan, 1987:48-56). Larangan ini adalah dikenakan terhadap ibu bapa, kerana merekalah yang mencorakkan kehidupan anak-anak di bawah jagaan mereka. Ini kerana antara sebab berlakunya silang jantina

atau diformulasikan kepada mak nyah ini ialah kesilapan dalam mendidik anak-anak di peringkat awal seperti memakaikan pakaian perempuan kepada anak lelaki dan sebaliknya. (Roseliza Murni, 2002).

Di dalam kitab fiqh didapati fuqaha melarang *khunsa musykil* daripada memakai emas dan sutera kerana alasan dikhuatiri dia adalah lelaki. Sekiranya *khunsa musykil* dilarang daripada memakai perhiasan yang dipakai oleh perempuan maka lebih-lebih lagilah dilarang terhadap lelaki sejati yang hanya mempunyai sedikit kelembutan pada pergerakan anggota badan. (al-Nawawi, t.th, 328).

Larangan lelaki berketerampilan perempuan ini bukan sahaja terdapat di dalam kitab-kitab perundangan Islam (kitab fiqh), akan tetapi dalam perundangan negara kita juga tercatat peruntukan yang berkaitan dengan perkara tersebut. Pada tahun 1983, Persidangan Raja-raja Melayu telah memutuskan untuk mengharamkan pertukaran jantina lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan. Bagi kesalahan jenayah pula, hampir semua negeri telah mempunyai Enakmen Jenayah Syariah yang mengandungi kesalahan berkaitan silang jantina. Enakmen ini memperuntukkan bahawa lelaki berlagak seperti perempuan jika mereka ditemui di tempat-tempat awam, dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM1000 atau penjara tidak melebihi enam bulan. Jika mereka didapati melakukan jenayah liwat iaitu persetubuhan antara lelaki dan lelaki, mereka akan didenda tidak melebihi RM3000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali. (Enakmen Syariah Negeri-Negeri).

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan yang telah dijelaskan, perbuatan silang jantina dengan fokusnya lelaki menjadi wanita atau mak nyah adalah dilarang oleh syariat Islam. Oleh kerana perbuatan ini dilarang maka, segala jalan atau punca yang membawa ke arah itu adalah turut dilarang sekalipun zahirnya adalah harus dilakukan. Larangan ini adalah bertujuan untuk menjaga maruah manusia supaya sentiasa dipandang mulia oleh masyarakat serta terselamat di dunia dan di akhirat. Jika kita lihat kerosakkan yang timbul apabila wujudnya mak nyah ini maka ia lebih menguatkan lagi rasional larangan yang dianjurkan oleh

syariat Islam yang diturunkan oleh Allah untuk menjaga kepentingan manusia seluruhnya.

RUJUKAN

- Albani, 1389H. *Hijab al-'Mar'ah al-Muslimah fi al-Kitab wa al-Sunnah*. al-Maktab al-Islami li al-Taba'ah wa al-Nasyr, Beirut.
- Al-Hasan, 1987. *Al-Adillah al-Mukhatalaf Fiha Inda al-Uusliyyin*. Maktabah Wahabah, Mesir.
- Ibnu Nujaim, 1322H. *Al-Asybah wa al-Nazair*. Matba'ah Husainiah, Mesir.
- Al-Kamali, 2000. *Min Fiqh al-Muwazanat Baina al-Masalih al-Syar'iyyah*. Dar Ibnu Hazm, Beirut.
- Lukman Z. Mohamad dan Zuriana Zahrin, 2002, *Fenomena Pelacuran Remaja Di Malaysia*, dlm. *Lukman et al. (ed). Keluarga Gender dan Cabaran Sosial di Malaysia*. Utusan Publications and Distributours, Kuala Lumpur.
- Ong Ju Lynn, 2000. *Misconception About Transsexuals*. <http://thestar.com.my>. Isnin, 2 Oktober.
- Mustafa Syalabi, 1974. *Usul al-Fiqh al-Islami*. Dar al-Nahdhah al-Ilmiah, Beirut.
- Al-Nawawi, t.th. *Kitab Al-Majmuk*. Maktabah al-Irsyad, Jeddah.
- Nooraziah Haji Mohd Awal, 2002. *Dasar Polisi dan Peraturan Negara & Universiti Berkaitan Isu Transeksual*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Transeksualiti Di Institut Pengajian Tinggi, Century Mahkota Hotel, Melaka.
- Al-Qaradhawi: 2001. *Al-Siasah al-Syar'iyah fi Dhau'I Nusus al-Syariah wa Maqasidiha*. Muassasah al-Risalah, Beirut.
- Al-Qaradhawi, 1988. *Madkhal Lidirasah al-Syariah al-Islamiah*. Muassasah al-Risalah, Beirut.
- Al-Qaradhawi, 1981. *Al-Khasais al-Ammah li al-Islam*. Maktabah Wahabah, Kaherah.
- Al-Qaradhawi, 1996. *Madkhal li Makrifah al-Islam*, Maktabah Wahbah, Mesir.

- Roseliza Murni Abd Rahman, 2002. Transeksualiti dari segi psikologi, sosiologi dan fisiologi. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Transeksualiti Di IPT, Century Hotel, Melaka.
- Al-Syatibi, 1991. *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah*. Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut.
- The Yik Koon, 2001. *Mak Nyahs In Malaysia: The Influence of Culture and Religion on their Identity*. The International Journal of Transgenderism, Vol. 5 (3) : July-September.
- Wan Azmi Ramli, 1991. *Dilema Mak Nyah: Suatu Ilusi*. Utusan Publications and Distributors, Kuala Lumpur.
- Al-Zuhaili, Wahabah, 1984. *Al-Fiqh al-Islami Wa'Adillatuhu*. Dar al-Fikr, Damsyik.